

## **KERUNTUHAN INSTITUSI KEKELUARGAAN DAN PERZINAAN REMAJA MUSLIM DI MALAYSIA**

*(The Collapse of the Family Institution and Adultery among  
Muslim Adolescents in Malaysia)*

*Wan Abdul Fattah Wan Ismail\**  
wanfattah@usim.edu.my

Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia.

*Zuriatunfadzliah Sahdan*  
zuriatun@fsk.upsi.edu.my

Fakulti Sains Kemanusiaan, Jabatan Geografi dan Alam Sekitar,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris.

*Ahmad Syukran Baharuddin*  
ahmadsyukran@usim.edu.my

*Lukman Abdul Mutalib*  
lukman@usim.edu.my

*Nik Salida Suhaila Nik Saleh*  
salida@usim.edu.my

*Zulfaqar Mamat*  
zulfaqar@usim.edu.my

Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia.

*Syh Noorul Madihah Syed Husin*  
madihah@unisza.edu.my

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin.

*Mohamad Aniq Aiman Alias*  
aniqalias@raudah.usim.edu.my

Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia.

Pengarang koresponden (*Corresponding author*): \*

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Zuriatunfadziah Sahdan, Ahmad Syukran Baharuddin, Lukman Abdul Mutalib, Nik Salida Suhaila Nik Saleh, Zulfaqar Mamat, Syh Noorul Madihah Syed Husin & Mohamad Aniq Aiman Alias. (2023). Keruntuhan institusi kekeluargaan dan perzinaan remaja Muslim di Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 35(1), 19–38. [http://doi.org.10.37052/kanun.35\(1\)no2](http://doi.org.10.37052/kanun.35(1)no2)

|                       |           |                     |           |                      |           |  |          |
|-----------------------|-----------|---------------------|-----------|----------------------|-----------|--|----------|
| Peroleh:<br>Received: | 16/3/2022 | Semakan:<br>Revised | 19/9/2022 | Terima:<br>Accepted: | 7/12/2022 | Terbit dalam talian:<br>Published online | 1/1/2023 |
|-----------------------|-----------|---------------------|-----------|----------------------|-----------|--|----------|

### Abstrak

Institusi kekeluargaan ialah persekitaran utama yang mencorakkan kehidupan seseorang remaja. Tanpa pemantauan dan didikan yang betul daripada ibu bapa dan keluarga, remaja terdedah kepada perbuatan yang boleh meruntuhkan sahsiah, seperti terlibat dalam aktiviti perzinaan. Oleh sebab itu, kajian ini dilakukan untuk memerihalkan faktor keluarga yang menyumbang kepada perzinaan remaja Muslim di Malaysia. Dengan menggunakan kaedah kualitatif, responden kajian yang terdiri daripada 12 peserta kajian telah ditemu bual. Penyelidik telah menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur yang melibatkan fleksibiliti temu bual dengan soalan terbuka. Data yang diperolehi daripada hasil temu bual kemudiannya dianalisis untuk mendapatkan hasil kajian. Hasil penyelidikan ini mendapati bahawa terdapat beberapa faktor keluarga yang menyumbang kepada perzinaan remaja. Faktor ini ialah perceraian ibu bapa, kegagalan komunikasi antara ibu bapa dengan anak, pengongkongan yang keterlaluan, ketiadaan didikan agama, keluarga yang berzina, pengambilan dadah dan yang paling serius ialah pengeksploitan remaja untuk pelacuran oleh keluarga sendiri. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa asas pembentukan institusi kekeluargaan Islam di negara ini perlu diteliti semula dan dipantau dengan sebaiknya agar mampu menyediakan persekitaran yang selamat kepada remaja, seterusnya menghindari perlakuan zina.

Kata kunci: Sahsiah, faktor keluarga, keruntuhan institusi kekeluargaan, remaja, Muslim, perzinaan

### Abstract

*The family institution is the key environment that shapes the lives of adolescents. Without proper monitoring and education from parents and family, adolescents are exposed to acts that can destroy their personality, such as engaging in adulterous activities. Therefore, this study was conducted to describe the family factors that contribute to*

*adultery among Muslim adolescents in Malaysia. Adopting a qualitative method, 12 research participants were interviewed. The researcher used semi-structured interviews, which involve the flexibility of interviews with open-ended questions. The data obtained from the interview were then analyzed to obtain the results of the study. The findings of this study show that there are several family factors that have contributed to adultery. These factors are the divorce of parents, lack of communication between parents and children, excessive restrictions, lack of religious education, adulterous family, drug use and, the most serious of all, the family's exploitation of adolescents for prostitution. These findings also indicate that the basis for the formation of the Islamic family institution in Malaysia needs to be re-examined and monitored as well as possible in order to provide a safe environment for adolescents and, in turn, avoid adultery.*

*Keywords: Personality, family factors, the collapse of the family institution, adolescents, Muslim, adultery*

## PENDAHULUAN

Perhubungan seksual sebelum berkahwin tidak dapat diterima oleh agama, budaya dan sosial oleh kebanyakan negara di dunia. Golongan yang terdedah pada perlakuan ini kebanyakannya ialah remaja (Wan Abdul Fattah *et al.*, 2022). Menurut United Nations–Youth (2003), tingkah laku seksual remaja sebelum berkahwin boleh menyebabkan beberapa masalah kesihatan, iaitu kehamilan yang tidak diingini, pengguguran yang tidak selamat, gangguan emosi, pembuangan bayi, kematian ibu, jangkitan virus kurang daya tahan manusia (HIV) dan penyakit sindrom defisiensi imun perolehan (AIDS).

Di Malaysia, majoriti remaja yang hamil luar nikah di pusat perlindungan wanita ialah individu yang berbangsa Melayu dan beragama Islam (Norhasmah *et al.*, 2015). Sebagai negara yang penduduk majoritinya beragama Islam, trend dan isu hubungan seks luar nikah dalam kalangan remaja Malaysia, terutamanya remaja Islam, memerlukan perhatian yang serius berikutan peningkatan kadar kehamilan remaja yang dilihat sangat membimbangkan. Sebanyak 41 083 kehamilan remaja telah direkodkan di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) antara tahun 2017 hingga 2022. Sebanyak 35% atau 14 379 daripadanya ialah kehamilan luar nikah. Dengan kata lain terdapat kira-kira 28 kehamilan remaja sehari yang dilaporkan di Malaysia antara tahun 2017 hingga 2022 (Jamie, 2022).

Oleh sebab itu, kajian ini akan mengkaji hubungan antara perzinaan dengan keruntuhan institusi kekeluargaan. Tujuan utama penulisan ini adalah untuk mengenal pasti faktor khusus di sebalik kepincangan keluarga yang menyebabkan penglibatan remaja Muslim dalam aktiviti seksual luar nikah, sama ada yang menyumbang kepada kehamilan atau tidak.

## **SOROTAN LITERATUR**

### **Peringkat Umur Remaja**

Pertubuhan Kesihatan Sedunia atau *World Health Organisation* (WHO) mendefinisikan remaja sebagai individu dalam kumpulan umur antara 10 hingga 19 tahun. Kumpulan umur 15 hingga 24 tahun pula dirujuk sebagai golongan belia (WHO, 2022a). Orang muda yang meliputi golongan remaja dan belia berumur antara 10 hingga 24 tahun (WHO, 2022b). Berdasarkan takrifan WHO ini, remaja juga boleh dirujuk sebagai orang muda. Dalam konteks perundangan di Malaysia pula, julat umur remaja adalah antara 10 hingga 19 tahun yang sebahagiannya dikenali sebagai kanak-kanak. Akta 611 mewartakan individu yang berumur di bawah 18 tahun sebagai kanak-kanak dalam Seksyen 2 (Jal Zabdi & Zulazhar, 2019). Klasifikasi ini berkaitan dengan Akta Umur Dewasa 1971 yang menetapkan umur dewasa sebagai 18 tahun. Oleh sebab itu, remaja yang berumur antara 10 hingga 18 tahun dirujuk juga sebagai kanak-kanak (Jal Zabdi & Zulazhar, 2019).

Remaja ialah suatu fasa kehidupan antara zaman kanak-kanak dengan dewasa. Fasa ini ialah peringkat unik perkembangan manusia. Remaja mengalami pertumbuhan fizikal, kognitif dan psikososial yang pesat pada fasa ini. Hal ini mempengaruhi perasaan, pemikiran, cara membuat keputusan dan interaksinya dengan dunia sekeliling (WHO, 2022a). Menurut Abdul Ghani & Nuarrual Hilal (2017), remaja ialah golongan yang masih mencari identiti diri dan memerlukan kasih sayang yang berterusan daripada ahli keluarga masing-masing. Dengan fitrah seumpama ini, remaja juga rentan terhadap perhubungan seks luar nikah atau lebih dikenali sebagai zina.

### **Zina dalam Perundangan**

Perzinaan dalam kalangan remaja telah lama menjadi topik perbahasan di seluruh negara, khususnya negara Islam. Zina ialah persetubuhan antara seorang lelaki dengan seorang wanita yang bukan pasangan suami isteri (Muhammad Fathi, 2014). Islam mengharamkan zina dan mengenakan

hukuman keras terhadap pelakunya kerana zina ialah perbuatan yang meruntuhkan institusi kekeluargaan. Dalam perundangan Islam, hukuman zina hanya dikenakan apabila dilakukan secara suka sama suka sebagai pasangan. Jika berlaku dalam keadaan paksa, seperti rogol, hukuman tersebut dikecualikan (Muhammad Fathi, 2014).

Walau bagaimanapun, persetujuan luar nikah boleh dikelaskan sebagai rogol apabila melibatkan remaja perempuan yang umurnya di bawah 16 tahun. Tanpa mengambil kira sama ada dilakukan secara sukarela atau terpaksa, hubungan seks itu dianggap sebagai rogol di bawah umur atau dikenali juga sebagai rogol berkanun (Nur Aina & Sayed Sikandar, 2017). Undang-undang rogol berkanun diwujudkan untuk melindungi remaja perempuan daripada diambil kesempatan kerana usianya yang masih muda (Nur Aina & Sayed Sikandar, 2017). Pada peringkat umur tersebut, kedudukan remaja perempuan dalam pemberian persetujuan urusan seksual tidak jelas.

Dengan mengambil kira definisi perzinaan dalam perundangan Islam dan rogol berkanun, kajian ini hanya merujuk remaja yang berumur antara 10 hingga 19 tahun yang terlibat dengan perzinaan yang bukan disebabkan oleh paksaan, seperti sumbang mahram dan rogol.

## **INSTITUSI KEKELUARGAAN DAN PERZINAAN REMAJA DI MALAYSIA**

Pelbagai faktor didapati menjadi punca penglibatan golongan remaja dalam perzinaan. Persekitaran keluarga yang dipenuhi dengan kasih sayang dan perhatian, sokongan, kestabilan dan konsistensi ibu bapa ialah perkara paling penting dalam kehidupan remaja yang akan mencorakkan kehidupannya setelah dewasa (Lukman *et al.*, 2011). Oleh sebab itu, bahagian ini hanya memberikan perhatian tentang dapatan kajian lepas di Malaysia yang mengaitkan faktor perzinaan dengan kekeluargaan.

Melalui sorotan kajian lepas oleh Siong dan Tharshini (2020), kehamilan luar nikah dalam kalangan remaja di Malaysia dipengaruhi oleh perhubungan kekeluargaan yang lemah. Hasil penelitian Norul *et al.* (2012) pula mendapati bahawa institusi kekeluargaan ternyata memainkan peranan yang amat signifikan dalam kehidupan remaja. Sahsia diri, sikap dan personaliti seseorang remaja terbentuk menerusi peranan keluarga (Norul *et al.*, 2012). Pengabaian ibu bapa dari aspek peningkatan kos sara hidup menyebabkan remaja bertingkah laku agresif dan mempunyai keinginan untuk mendapatkan kasih sayang daripada orang luar (Norul

*et al.*, 2012). Siong dan Tharshini (2020) mengaitkan permasalahan ini sebagai penyumbang peningkatan kes kehamilan luar nikah.

Pada tahun 2019, Mariam dan rakan penyelidikinya mendapati bahawa kelemahan institusi kekeluargaan, seperti perceraian dan kesibukan ibu bapa, menyebabkan penglibatan remaja dalam salah laku seksual. Kajian kualitatif ini diperoleh melalui kaedah temu bual separa berstruktur terhadap seorang pentadbir, seorang warden di pusat pemulihan akhlak dan empat orang remaja yang hamil tanpa nikah. Berkaitan dengan dapatan tentang perceraian ibu bapa, Mariam *et al.* (2019) menghujahkan bahawa remaja cenderung untuk berasa sunyi dan hilang tempat bergantung disebabkan oleh keadaan keluarga yang berpecah belah. Untuk beradaptasi dengan perasaan tersebut, remaja lebih banyak menghabiskan masa bersama-sama dengan rakan dan terdedah pada aktiviti yang tidak bermoral, seperti perzinaan. Dari segi faktor kesibukan ibu bapa, kajian ini mendapati bahawa ibu bapa yang sibuk bekerja mempunyai masalah komunikasi dengan anak, sering meninggalkan rumah dan kurang memberikan sokongan sosial kepada remaja.

Dengan menggunakan kaedah kajian kualitatif, Khadijah *et al.* (2012) telah meninjau tingkah laku ibu bapa dan pengalaman remaja yang hamil luar nikah. Seramai enam orang remaja hamil luar nikah yang tinggal di Taman Seri Puteri, Cheras telah dipilih sebagai responden kajian, seterusnya ditemu bual. Hasil kajian menunjukkan bahawa responden ini tidak mempunyai perhubungan yang akrab dengan ibu bapa masing-masing. Menurut responden ini lagi, ibu bapa masing-masing kurang memberikan perhatian dan sering tidak berada di rumah sehingga menyebabkan perhubungan dengan ibu bapa menjadi tidak rapat.

Sebagaimana kajian yang dilakukan oleh Mariam *et al.* (2019) dan Norul *et al.* (2012), penyelidikan ini juga mendapati bahawa pengabaian ibu bapa terhadap anak berlaku disebabkan oleh kesibukan bekerja mendedahkan remaja kepada perlakuan zina. Hampir semua responden kajian menyatakan bahawa ibu bapa masing-masing tidak pernah meluangkan masa untuk membuat apa-apa aktiviti hujung minggu secara bersama-sama. Majoriti responden lebih kerap keluar bersama-sama dengan kawan-kawan berbanding dengan keluarga sendiri. Oleh sebab itu, kajian ini menegaskan kepentingan ibu bapa untuk memperbaiki komunikasi dengan remaja demi memperoleh perhubungan yang lebih harmoni. Ibu bapa juga bertanggungjawab untuk memberikan nasihat dan tunjuk ajar, serta mendidik remaja dalam aspek keagamaan supaya berupaya membuat pertimbangan yang lebih baik tentang sesuatu perilaku.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan reka bentuk kajian kualitatif. Kaedah temu bual separa berstruktur dilaksanakan terhadap responden kajian dalam kalangan remaja terlanjur dan pihak berkepentingan yang mengendalikan remaja terlanjur. Tiga remaja terlanjur yang menjadi responden kajian ini pada asalnya menjalani Perintah Khidmat Masyarakat (PKM), iaitu hukuman alternatif bagi hukuman penjara. Hukuman ini bertujuan memulihkan dan mencegah pesalah daripada mengulangi kesalahan jenayah, serta sebagai persiapan sebelum kembali ke pangkuan masyarakat. Responden ini menjalani hukuman PKM ketika berumur antara 14 hingga 15 tahun disebabkan oleh kes pengambilan atau/dan pengedaran dadah. Setelah itu, responden ini dihantar ke Sekolah Tunas Bakti bagi tempoh tiga tahun sebelum pulang ke pangkuan keluarga. Ketika ditemu bual, responden ini berumur antara 17 hingga 19 tahun dan telah tinggal di institusi tersebut selama dua tahun. Dapatan dalam bahagian seterusnya ialah hasil analisis secara tematik berasaskan pengalaman tiga responden kajian dalam kalangan remaja wanita dan pihak berkepentingan yang terlibat dalam pengendalian remaja yang dikaji. Antara pihak yang terlibat termasuklah pengetua, pengurus, kaunselor, pekerja sosial dan penyelia pusat jagaan remaja (Jadual 1).

**Jadual 1** Maklumat responden kajian.

| Institusi                               | Responden Kajian     | Nama Samaran/<br>Kod Responden Kajian |
|---|----------------------|---------------------------------------|
| Sekolah Tunas Bakti,<br>Marang          | Remaja 1             | Peserta Kajian 1<br>(Azean)           |
|   | Remaja 2             | Peserta Kajian 2 (Siti)               |
|   | Remaja 3             | Peserta Kajian 3 (Aty)                |
| Taman Seri Puteri<br>Kuching            | Pengetua             | Peserta Kajian 4                      |
|   | Kaunselor            | Peserta Kajian 5                      |
| Rumah Generasiku<br>Sayang              | Pegawai Kerja Sosial | Peserta Kajian 6                      |
|   | Penasihat Agama      | Peserta Kajian 7                      |
| Sekolah Harapan Jasin<br>Bayt al-Rahmah | Ketua Penyelia       | Peserta Kajian 8                      |
|   | Pengurus             | Peserta Kajian 9                      |
| Rumah<br>Raudhatussakinah               | Pengetua             | Peserta Kajian 10                     |
|   |                      | Peserta Kajian 11                     |

| Institusi  | Responden Kajian                              | Nama Samaran/<br>Kod Responden Kajian |
|--|---|---------------------------------------|
| Pusat Perlindungan<br>Kerajaan dan Bukan<br>Kerajaan | Penasihat dan aktivis kes<br>remaja terlanjur | Peserta Kajian 12                     |

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat pelbagai faktor yang menjadi punca perzinaan remaja Muslim di Malaysia. Makalah ini hanya membincangkan dapatan berkenaan keruntuhan institusi kekeluargaan kerana keluarga mencorakkan persekitaran kehidupan remaja. Kepincangan keluarga ialah faktor terbesar yang menyebabkan perzinaan. Ibu bapa mempunyai peranan dalam membentuk keperibadian (Kartini, 1989), perilaku sosial dan emosi anak (Jaja & Yusriah, 2017). Dengan kata lain, ibu bapa membentuk pertimbangan remaja terhadap perzinaan, iaitu sama ada perkara tersebut betul atau sebaliknya. Hasil temu bual terhadap peserta kajian mendapati bahawa perzinaan berlaku dalam kalangan remaja bermula daripada keluarga yang bermasalah. Masalah ini meliputi perceraian ibu bapa, kegagalan komunikasi antara ibu bapa dengan anak, pengongkongan yang keterlaluan, ketiadaan didikan agama, keluarga yang berzina, pengambilan dadah dan yang paling serius ialah pengeksplotasian remaja untuk pelacuran oleh keluarga sendiri.

### Perceraian Ibu Bapa

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa perceraian menyebabkan ibu bapa mengabaikan peranan masing-masing. Remaja yang dibesarkan oleh ibu bapa yang telah berpisah berada dalam keadaan serba kekurangan. Hasil temu bual mendapati bahawa keperluan asas remaja, seperti makan minum dan pendidikan, kebiasaannya terabai dalam kalangan ibu bapa yang telah bercerai. Keadaan ini lebih serius apabila penjaga yang bercerai mempunyai masalah jenayah. Hal ini terserlah menerusi pernyataan Peserta Kajian 5.

“Kebanyakan latar belakang kes ibu bapa bercerai, dengan peranan ibu bapa *tu* tiada, *tu* yang menyebabkan berlakunya kes-kes perzinaan ataupun terlanjur. Saya ambil satu kisah, ibu bapa bercerai. Bapanya pernah masuk keluar penjara, terlibat dengan dadah, *so* si remaja tersebut dijaga oleh

nenek yang sudah tua. Macam orang kata, dia tak pergi ke sekolah, makan minum pun tak tentu . . . Apabila keadaan *tu* berlaku, yang menyumbang kepada faktor inilah faktor hubungan bebas boleh dikatakan menyumbang *lah*.” (Peserta Kajian 5)

Peserta Kajian 9 menambah bahawa keperluan asas lain, seperti tempat tinggal anak juga menjadi tidak menentu disebabkan oleh perceraian ibu bapa dan penjaga yang telah berkahwin lain.

“Mak ayah dia bercerai. Kadang-kadang dia kejap duduk dekat *family* ni, kejap dia duduk dekat *family* ni. Kadang mak ayah dia ada yang dah berkahwin, kadang dia rimas *la*, nak duduk dekat mana.” (Peserta Kajian 9)

Disebabkan oleh perceraian, peranan ibu bapa digalas oleh penjaga lain yang telah berusia sebagaimana pernyataan Siti (Peserta Kajian 2).

Pengkaji: Siti ada mak ayah lagi?

Siti: Dah cerai dah.

Pengkaji: Oh. Dah cerai. Jadi Siti duduk dengan mak ke dengan ayah?

Siti: Nenek.

Pengkaji: Oh duduk dengan nenek. Adik-beradik lain?

Siti: Nenek juga. (Peserta Kajian 2)

Peserta Kajian 9 menambah bahawa perzinaan berpunca daripada tindakan remaja yang pada asalnya cuba mendapatkan kasih sayang yang tidak diperoleh daripada keluarga sendiri.

“Dia dari *broken family*, so dia cari kasih sayang dari orang lain *lah*. Mak bapa tak boleh nak bagi kasih sayang, so dia cari seseorang yang boleh bagi dia kasih sayang sampai terlanjur.” (Peserta Kajian 9)

Di Malaysia, dapatan Salasiah *et al.* (2012) menunjukkan bahawa struktur keluarga adalah antara faktor utama yang menyumbang kepada isu seks sebelum perkahwinan. Selain mempunyai rekod jenayah dan masalah devian, kebanyakan remaja yang terlibat dengan perzinaan berasal daripada keluarga yang ibu bapanya bercerai (Salasiah *et al.*, 2012). Walaupun dalam konteks yang berbeza, pelbagai sarjana telah menemukan dapatan yang sama. Kajian Blake *et al.* (2001) menunjukkan bahawa remaja yang berumur antara 14 hingga 17 tahun yang tinggal

dalam sebuah keluarga yang terdiri daripada dua orang, iaitu ibu dan bapa, mempunyai kebarangkalian yang rendah untuk melakukan hubungan seksual berbanding dengan orang muda yang tinggal dalam mana-mana struktur keluarga yang berbeza. Menurut Wallerstein dan Blakeslee (2003), keluarga yang terdiri daripada kedua-dua ibu dan bapa mampu memberikan kawalan emosi yang jelas berbanding dengan keluarga yang hanya terdiri daripada seorang penjaga. Miller *et al.* (1986) bersetuju dengan perkara ini dan menambah bahawa remaja yang tinggal bersama-sama dengan ibu bapa kandung dan berasal daripada struktur keluarga yang kecil mempunyai kebarangkalian yang rendah untuk terlibat dalam isu seks sebelum perkahwinan. Hal ini menunjukkan bahawa perlindungan keluarga dapat mengurangkan kebarangkalian remaja untuk terjebak dalam masalah sosial.

### **Kegagalan Komunikasi antara Ibu Bapa dengan Anak**

Selain perceraian, ibu bapa yang tidak berkomunikasi dengan anak secara berkesan juga dikategorikan sebagai keluarga yang tidak berfungsi. Masalah komunikasi wujud dalam kalangan ibu bapa yang panas baran, tidak mahu mendengar luahan anak, tidak mengambil tahu hal anak dan sibuk bekerja. Faktor ini dinyatakan oleh Peserta Kajian 4.

“Jadi, satu dari segi keluarga ... bila tengok pula ibu bapa *ni* memang bukan *friendly*. Suka marah *je*, kelahi, gaduh *je* bertekak *je*. *Pastu* sampai satu tahap anak, anak bercerita satu benda pun tak boleh. Dari segi komunikasi keluarga *fail kat* situ. Kita tengok apa kenapa salahnya kita berdepan dengan alam remaja *ni kan*. Alam remaja *ni* kita bagi mereka peluang bercerita secara langsung kepada ibu bapa. Apa benda yang kecil pun kita kena ambil tahu. Kadang-kadang ibu bapa *ni* sibuk dengan kerja, sampai tak ada masa untuk berkomunikasi dengan anak *lah*. Kalau sekarang *ni* kita ada *video call* kan, *voice* apa semua. Kita buat mana kita boleh buat *lah*. Sebab anak remaja *ni*, kalau kita tidak jaga dia, dia akan cari siapa yang boleh mendampingi mereka. Jadi faktor keluarga *ni* amat besar *lah*.”  
(Peserta Kajian 4)

Selain itu, ketiadaan fungsi ibu bapa pada waktu siang menyebabkan anak terabai. Hal ini membuka ruang kepada perzinaan. Bagi menerangkan hal ini, Peserta Kajian 8 memberikan contoh kesibukan ibu bapa yang berniaga di pasar malam.

“Ataupun kita kata, mak bapa sibuk *tu* pun masalah juga *ni*, mak bapa sibuk mencari harta. Keluarga yang terlibat dengan pasar malam. Allah! Jadinya, pagi ibu ayah akan tidur. Tengah hari, petang sibuk nak cari barang untuk jualan di pasar malam. Jadi, di waktu malam itulah penting sebenarnya.” (Peserta Kajian 8)

Masalah komunikasi juga melibatkan turutan anak dalam keluarga, iaitu sering berlaku pada anak sulung atau anak bongsu.

“Isu komunikasi sering nampak jelas dalam kekeluargaan. *So* kalau ada program kekeluargaan memang fokus isu komunikasi *ni la*. Kebanyakan kes Bayt al-Rahmah melibatkan kes anak sulung dan anak bongsu. Bila angkat telefon *je* kan, anak nombor berapa *ye?* Sulung. Anak nombor berapa *ya?* Bongsu. Maksudnya ada berkaitan *la kot* tentang pendidikan anak sulung dan anak bongsu. Sama ada terlebih perhatian atau sangat kurang perhatian.” (Peserta Kajian 10)

Komunikasi yang baik penting dalam sesebuah keluarga untuk membina perhubungan yang akrab (Noraini *et al.*, 2019). Kemesraan dalam keluarga membolehkan ibu bapa memahami kehendak dan harapan remaja, dan begitulah sebaliknya. Keakraban dengan ibu bapa turut mempengaruhi pertimbangan remaja terhadap pergaulan bebas kerana adanya pengawasan komunikasi daripada ibu bapa berkenaan tingkah laku (Noraini *et al.*, 2019). Dalam konteks kajian di United Kingdom, Miller *et al.* (1986) menambah bahawa keakraban atau keterkaitan ibu bapa-anak, pengawasan atau peraturan ibu bapa terhadap aktiviti remaja dan penilaian ibu bapa terhadap persetujuan remaja mengurangkan risiko kehamilan remaja. Remaja cenderung untuk menanggukkan aktiviti seksual sekiranya ibu bapa memberikan pendidikan seksual di rumah.

### **Pengongkongan yang Keterlaluan**

Responden dalam kajian ini mendapati bahawa keluarga yang terlalu mengongkong menyebabkan berlakunya perzinaan. Menurut Azean, ibu bapa sepatutnya tidak terlalu mengongkong kerana perbuatan tersebut memberikan tekanan kepada anak sehingga menyebabkan anak berasa ingin melarikan diri dari rumah. Dalam masa yang sama, ibu bapa juga tidak boleh terlalu berlembut dan mempercayai anak secara membuta tuli.

Azean: Kalau boleh Azean, dari segi hidup Azean. Kita tak boleh kongkong sangat anak kita, kita tak boleh pentingkan sangat anak kita. Jangan berlembut sangat. Sedang-sedang *je*.

Pengkaji: Oh, susah jugak *ni*. Jangan kongkong sangat tapi jangan ... maksudnya kena percaya *la kat* anak *tu*.

Azean: Haa ... Tak percaya seratus peratus.

Pengkaji: Haa tak seratus peratus.

Azean: Sedang-sedang *je*.

Pengkaji: Sedang-sedang. Ohh. Em, jangan ketat sangat sampai anak *tu* rasa terkongkong.

Azean: Sebab dulu Azean rasa, keluarga Azean *ni* betul-betul kongkong Azean, jadi balik sekolah rasa tertekan.

Pengkaji: Hmm .... Nak cari ...

Azean: Ruang ... nak keluar tak boleh. Benda *tu* jadi *effect* kepada anak kita untuk lari daripada rumah.

Pengkaji: Hem ... tertekan eh Azean. Terkongkong sangat. Tapi masa benda *tu* jadikan masa Azean berkawan *tu* ... ada aktiviti-aktiviti macam *tu kan*. Masa *tu* Azean rasa dapat kasih sayang luar ke macam mana?

Azean: Bagi Azean, tak ada siapa boleh ganti kasih sayang daripada mak ayah kita sebenarnya. (Peserta Kajian 1)

Hasil temu bual ini telah dikenal pasti dalam penelitian Miller *et al.* (1986). Dalam kajian keratan rentas menyelidik ini di luar negara, didapati bahawa remaja yang menganggap ibu bapa sebagai sangat tegas dengan banyak peraturan lebih cenderung untuk melakukan hubungan seksual berbanding dengan remaja yang menganggap ibu bapanya sederhana. Persekitaran kehidupan yang positif, seperti keluarga yang stabil dengan pengawasan ibu bapa dan sosialisasi awal kanak-kanak antara perkara utama yang mengurangkan kemungkinan remaja terlibat dalam aktiviti seks, terutamanya seks di luar perkahwinan (Peltzer & Pengpid, 2011).

### **Ketiadaan Didikan Agama**

Remaja yang terlanjur biasanya mempunyai keluarga yang tidak memberikan didikan agama. Agama yang berupaya membentuk jati diri

tidak didedahkan kepada remaja sejak peringkat awal umur lagi. Hal ini dinyatakan oleh Peserta Kajian 7.

“Pertamanya, *dio kalu* kita dapat maklumat, biasanya mereka orang yang jati diri kurang *lah*. Kebanyakan mereka, pertamanya dari segi didikan agama yang kurang. Yang keduanya, kelemahan diri dia sendiri. Dan yang ketiganya, mudah terpengaruh.” (Peserta Kajian 7)

Selain Peserta Kajian 4, semua peserta kajian menyatakan bahawa remaja yang terlanjur ini mempunyai keluarga yang jauh daripada didikan agama dan tidak mempunyai asas pengetahuan agama yang kukuh. Berdasarkan pemerhatian Peserta Kajian 4 di rumah jagaannya, hal tersebut menjadi punca perzinaan dan masalah sosial yang lain.

“Lepas *tu* dari segi agama dia, saya tengok rata-rata tak sembahyang. Tak sembahyang tak puasa. Macam *tu*. Bila kita tanya, sembahyang tak *kat* luar? Tak sembahyang umi. Berapa kali sembahyang? Kadang-kadang sembahyang, kadang-kadang tak sembahyang. Pakai tudung tak *kat* luar? Tak pakai tudung. Dia datang sini, sejak penghuni kita yang masuk, kita pastikan diorang *ni* bertudung. Jadi, jadi dalam tudung *tu*, kita tengok, buka tengok, rambut perang, jadi kita tengok Allahuakbar. Rambut perang, bila rambut perang tanda dia selalu bersosial *kat* luar. Disko *kat* luar, minum *kat* luar, dadah *kat* luar. Ecstasy *kat* luar. Pil goyang *la* senang. Dia panggil pil goyang, *pain killer*, pil goyang. Jadi kita tengok memang dari segi agama *diorang ni*, memang tersangat-sangat *lah* lemah. Jadi kalau nak kata keterlanjuran diorang *tu*, perzinaan diorang *tu* memang mudah *lah* bagi *diorang*. Haa macam *tu*. Kalau parti memang suka sangat parti. Dalam *tu*, kita beri pengawasan, kita jaga dia, tapi masih lagi masih sempat lagi dia buat parti *kat* dalam. Parti dia memang menakutkan *la kat* dalam *tu*. Kalau kita tak pantau dia.” (Peserta Kajian 4)

Pendidikan agama dalam kehidupan manusia tidak dapat dipisahkan kerana memandu kehidupan manusia ke arah kehidupan yang sejahtera. Tanpa pegangan agama, seseorang akan hilang panduan dan jati diri ketika menempuh kehidupan dunia yang mencabar. Pegangan agama yang longgar atau tiadanya penekanan terhadap kehidupan beragama oleh ibu bapa akan memberikan impak secara langsung kepada anak, khususnya dari segi sahsiah dan jati diri. Hal ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Zulkiffly (2006) yang menyatakan bahawa masyarakat pada hari ini kurang menyedari kepentingan agama, sama ada dalam kalangan ibu bapa atau masyarakat umum.

## Keluarga yang Berzina

Segelintir remaja yang terlanjur tidak memahami bahawa perzinaan ialah perkara yang salah. Hal ini disebabkan oleh keluarga masing-masing yang turut berzina. Persekitaran keluarga seumpama ini membentuk pemikiran bahawa zina ialah perkara normal. Menurut Peserta Kajian 4, sesetengah remaja dibesarkan dalam lingkungan tiga generasi yang berzina daripada peringkat nenek masing-masing lagi.

“Kemudian, saya tengok kenapa, ciri-ciri diorang *ni* kebanyakannya latar belakang daripada keluarganya sendiri. Latar belakang keluarga dia, tiga generasi. Nenek dia terlibat dengan dadah, berlaku anak zina, bin Abdullah binti Abdullah. Dan anak yang kedua, dapat juga dapat cucu yang sekarang *ni* pun termasuklah yang baru-baru *ni* pun saya kendalikan pun, kelahiran pun dari tiga generasi empat generasi *lah* daripada keluarga yang latar belakang penzinaan.”(Peserta Kajian 4)

Peserta Kajian 4 menambah bahawa selain ibu bapa, serta nenek dan datuk, adik-beradik juga turut berzina.

Pengkaji: Ada tak, macam er macam dalam kalangan adik beradik *tu* kaki zina tak? Ataupun mak ayah sendiri tu ada tak?

Peserta Kajian 4: Iya ada, di sini saya nak cerita, dia ni polis tapi bila kita tengok dari segi keluarga dia, dia anak zinanya terlalu ramai. Maksud dia bukan dia bukan penghuni kita *ni* saja. Rupa-rupanya adik-beradik lain *tu* memang berzina ramai.

Pengkaji: Maknanya ayah dia tu polis?

Peserta Kajian 4: Polis. Bila kita tengok, Allahuakbar. Seorang penjawat awam yang sepatutnya tahu halal haram *kan*. Jadi kita tengok keluarga dia rata-rata enam orang, tak silap saya enam. Rata-rata enam adik-beradik tu daripada anak tak sah taraf. Betul. (Peserta Kajian 4)

Peserta Kajian 12 telah menyatakan bahawa masalah ini turut berpunca daripada keluarga yang bermasalah yang memberikan contoh dan didikan yang salah kepada anak.

“Bapa dia *bawak* perempuan ke mak dia *bawak boyfriend* ke atau mak dia ada pekerjaan yang membawa kepada zina ke, dan dia duduk sama. *So*

anak akan ikut. *So*, kanak-kanak biasanya jugak, dia tengok dari dewasa. Biasanya, yang baik, akan menghasilkan anak yang baik. *So*, kanak-kanak *ni* dia ada teori psikososial dia, dia akan tengok keadaan sekeliling. *I think* dipanggil teori Erikson agaknya, nanti saya ambik gambar bagi dekat you. Dia akan melihat persekitaran dan kanak-kanak akan meniru melalui persekitaran. Boleh jadi juga.” (Peserta Kajian 12)

Menurut Siti Hajar *et al.* (2014), remaja yang ahli keluarganya pernah hamil luar nikah mempunyai risiko terbesar untuk terlibat dalam perzinaan. Sebagaimana dapatan kajian ini, remaja cenderung untuk meniru tingkah laku ahli keluarga masing-masing. Semasa kajian ini dijalankan, remaja yang terlanjur tidak mengetahui bahawa perlakuan zina ialah suatu yang tidak bermoral kerana remaja tersebut dibesarkan dalam keluarga yang berzina. Normalisasi zina dalam sesebuah keluarga membina persekitaran yang menimbulkan kepercayaan kepada remaja bahawa perlakuan tersebut ialah suatu kebiasaan yang tidak salah.

### **Pengambilan Dadah**

Pengambilan dadah bukan hanya berlaku pada golongan dewasa yang dianggap sebagai golongan yang matang untuk membuat pertimbangan, tetapi turut berlaku pada golongan remaja. Ibu bapa yang terlibat dengan pengambilan dadah boleh mempengaruhi anak masing-masing dari aspek membuat keputusan untuk turut terlibat dalam aktiviti tersebut. Menurut Peserta Kajian 4, ibu bapa yang terlibat dengan dadah akan menyebabkan didikan terhadap anak ke arah kebaikan tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna sehingga mengakibatkan anak turut terlibat dalam masalah sosial.

“Saya tengok ibu dia, ambil dadah duduk dalam penjara anak dia datang sini nak masuk ke Sekolah Tunas Bakti (STB). STB ni macam penjara jugak *lah* kepada kanak-kanak *kan* bawah umur 18 tahun. Tapi kita tengok, ibu dia macam mana nak bimbing anak dia. Sebab ibu sendiri pun dah tak betul. Macam mana nak bimbing anak. Faktor keluarga tu amat penting *la*. Kita kena jaga. Pastu satu lagi ibu bapa, ibu bapa *la*. Kalau ibu bapa sendiri penagih dadah, tak terkecuali *la* anak akan jadi penagih dadah. Sebab di sini kita tengok, keluarga dia kita tanya, bapa dia memang duduk dalam penjara. Bapa dia ambil dadah. Bapa dia tak pulang-pulang tak tahu mana pergi. Dibuang daerah kerana dadah. Jadi kita tengok, memang bila anak, ibu bapa jadi macam *ni*, anak akan terbiar.”(Peserta Kajian 4)

Walaupun terdapat remaja yang menyatakan bahawa ibunya bukanlah penyebab penglibatannya terhadap dadah, remaja tersebut menjelaskan bahawa dirinya dibesarkan daripada hasil penjualan dadah oleh ibunya. Oleh sebab itu, walaupun dirinya terlibat dengan pengambilan dadah, ibunya tidak dapat menghalang perilaku tersebut kerana ibunya sendiri terlibat dengan dadah.

Aty: Dia *ambik* jugak.

Pengkaji: Oh ... mak pun *ambik* jugak. Mak *ambik* dulu ke, Aty *ambik* dulu?

Aty: Mak dulu.

Pengkaji: Tapi, Aty tak *ambik* dengan mak *pulak*? Aty tak kongsi dunia yang sama dengan mak eh?

Aty: Sebelum tu *dak la*. Lepas saya kenal member *tu* baru saya *ni*. Saya terikut *member*, macam mana macam tak ada kena-mengena dengan mak.

Pengkaji: Oh, tapi macam mana Aty tahu mak *ambik*?

Aty: Emm *tu la* ... sebab saya *ni* membesar macam ... saya *ni* membesar dengan hasil duit dadah. *Gitu je*.

Pengkaji: Oh, mak pun jual jugak *la*. Lepas Aty *ambik*, mak pun tahu *la*.

Aty: Mak tahu sebab dia *kan* berpengalaman. *So*, dia boleh tahu macam mana badan kita ... Dia pun boleh syak saya *ambik*.

Pengkaji: Oh boleh nampak *eh*? Macam mana mak boleh tahu? Contoh?

Aty: Satu, berat badan.

Pengkaji: Berat badan?

Aty: Macam saya semakin kurus *la*.

Pengkaji: Mak boleh terima *la*, Aty *ambik tu*, dia tak kisah?

Aty: Boleh terima ... macam mana *eh*. Dia ada jugak *la nangis* dekat saya. Dia kata *la* dekat saya, nak buat macam mana *kan*. Benda dah jadi nak buat macam mana? Sebab dia pun pernah hisap. Dia nak suruh saya tak hisap pun tak boleh sebab dia pernah lalui benda *tu*.” (Peserta Kajian 3)

Dapatan kajian sebelum ini juga telah membuktikan bahawa remaja yang terlibat dengan perzinaan biasanya berasal daripada keluarga yang terlibat dengan pelbagai aktiviti jenayah, seperti penagihan dadah (Siti Hajar *et al.*, 2014). Remaja peka terhadap aktiviti yang dilakukan oleh ahli keluarga masing-masing dan cuba meniru perlakuan tersebut. Ibu bapa yang tidak dapat mengawal diri sendiri daripada melakukan jenayah dilihat tidak berupaya untuk mencegah anak daripada melakukannya.

### **Pengeksploitasian Remaja untuk Pelacuran oleh Keluarga Sendiri**

Kepincangan keluarga menyebabkan remaja terpaksa menanggung beban kegagalan tersebut. Kajian ini mendapati bahawa terdapat keluarga yang bermasalah yang menggunakan alasan kemiskinan untuk mengeksploitasikan remaja dalam pelacuran. Menurut peserta kajian, remaja sanggup menerima bayaran yang rendah bagi tujuan mendapatkan wang kerana mendapat sokongan ibunya. Keadaan ini dapat dilihat melalui penjelasan Peserta Kajian 9.

“Kita ada satu kes budak pelacur *la*, boleh nak kata pelacur kampung *la*. Pada dia macam kerja lain *tu* susah nak dapat duit. *So*, jual diri dia *la*, 20 ringgit, 30 ringgit, 50 ringgit, ada yang berhutang lagi. Habis kita orang *ni* jugak *la*, *eh* tak takut ke AIDS? Sebab pada dia kerja lain *tu* susah. Sebab bila dia keluar daripada sini, saya tengok dia kerja dekat kedai kain *tu kan*, tapi pada dia benda *tu* lambat datangkan hasil *kan*, dia buat balik. Lagipun, mak dia sokong dia.” (Peserta Kajian 9)

Isu remaja yang dilacurkan oleh keluarga sendiri bukanlah perkara yang jarang-jarang berlaku di Malaysia. Berdasarkan kajian Lukman *et al.* (2011), semua 63 remaja yang dikaji yang terlibat dalam pelacuran mempunyai keluarga yang bermasalah. Kerentanan emosi dan psikologi pada peringkat umur remaja menjadikan golongan ini sebagai sasaran yang mudah diperdaya atau dipaksa menjadi pelacur oleh orang dewasa yang mengambil kesempatan terhadap dirinya (Lukman *et al.*, 2011), walaupun oleh ibu sendiri sebagaimana dapatan kajian ini. Dalam hal ini, remaja ialah mangsa eksploitasikan golongan dewasa.

## KESIMPULAN

Makalah ini telah membincangkan hasil dapatan dan perbincangan tentang keruntuhan institusi kekeluargaan yang menyumbang kepada perzinaan remaja Muslim di Malaysia. Definisi remaja mengikut umur yang dikemukakan pada peringkat awal jelas menunjukkan bahawa golongan ini ialah golongan kanak-kanak dan orang muda. Pada peringkat umur ini, golongan ini masih bergantung pada keluarga dalam segala aspek kehidupan. Kepincangan keluarga yang disebabkan oleh perceraian ibu bapa, kegagalan komunikasi, ketiadaan bimbingan agama, pengongkongan yang keterlaluan oleh ibu bapa, perzinaan ahli keluarga dan pengambilan dadah menyumbang kepada persekitaran yang menyebabkan remaja kehilangan tempat untuk bergantung. Kajian ini juga telah menunjukkan bahawa terdapat keluarga yang merosakkan remaja itu sendiri dengan mengeksploitasikannya untuk pelacuran. Kajian yang dijalankan secara kualitatif ini amat berkesan kerana berjaya memahami remaja yang terlibat dalam perzinaan. Golongan ini terbentuk daripada persekitaran yang tidak mendidik bahawa perzinaan ialah suatu kesalahan yang akhirnya menerima hukuman disebabkan oleh ketiadaan bimbingan daripada keluarga atau orang dewasa. Keruntuhan institusi kekeluargaan di negara ini berada pada tahap yang sangat membimbangkan dan perlu diselesaikan bermula daripada peringkat dasar, khususnya yang berkaitan dengan pemantapan asas pembinaan keluarga Islam.

## PENGHARGAAN

Pengkaji ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Institut Integriti dan Strategi Terengganu (TSIS) atas sokongan yang diberikan melalui geran “Pembinaan Modul Sahsiah Remaja Islam Terlanjur di Negeri Terengganu” (USIM/TSIS/FSU/LUAR-S/41321). Penghargaan juga dirakamkan kepada penyelidik Pusat Penyelidikan Fiqh Forensik dan Kehakiman (CFORSJ), Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) atas kerjasama yang telah diberikan.

## RUJUKAN

- Abdul Ghani Ahmad & Nuarrual Hilal Md Dahlan. (2017). Mengandung anak tak sah taraf yang dijalankan di daerah Kubang Pasu Kedah. *UUM Journal of Legal Studies*, 8, 17–55.
- Blake, S. M., Simkin, L., Ledsky, R., Perkins, C., & Calabrese, J. M. (2001). Effects of a parent-child communications intervention on young adolescents' risk for early onset of sexual intercourse. *Family Planning Perspectives*, 33(2), 52–61.
- Jaja Suteja & Yusriah. (2017). Dampak pola asuh orang tua terhadap perkembangan sosial-emosional anak. *Awlady: Jurnal Pendidikan Anak*, 3(1), 1–14.
- Jal Zabdi Mohd Yusoff & Zulazhar Tahir. (2019). Akta kanak-kanak 2001: Penguatkuasaan semula tugas dan tanggungjawab ibu bapa atau penjaga?. *Journal of Malaysian and Comparative Law*, 32(1), 129–150. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JMCL/article/view/16272>
- Jamie. (2022, Januari 1). *KPWKM Minister: M'sia Records 28 underage Pregnancies Daily, 35% out of Wedlock*. Newswav. [https://newswav.com/A2201\\_1QKS2L?utm\\_source=Newswav&utm\\_medium=WORLD+OF+BUZZ](https://newswav.com/A2201_1QKS2L?utm_source=Newswav&utm_medium=WORLD+OF+BUZZ)
- Kartini Kartono. (1989). *Psikologi abnormal dan abnormalitas seksual*. Mandar Maju.
- Khadijah Alavi, Salina Nen, Fauziah Ibrahim, Noremy Md. Akhir, Mohd Suhaimi Mohamad & Noorhasliza Mohd Nordin. (2012). Hamil luar nikah dalam kalangan remaja. *e-BANGI*, 7(1), 131–140.
- Lukman Zawawi Mohamad, Rohany Nasir, Fauziah Ibrahim, Salina Nen, Sheau Tsuey Chong, M. Mostafa Kamal, Mohd Suhaimi Mohamad, Zainah Ahmad Zamani, Nasrudin Subhi, Fatimah Omar, Salina Nen, Suzana Mohd Hoesni, Rozainee Khairudin & Rusyda Helma Mohd. (2011). The relationship between dysfunctional family and the involvement of children in prostitution. *World Applied Sciences Journal (Special Issue of Social and Psychological Sciences for Human Development)*, 12, 7–12.
- Mariam Abd. Majid, Nurul Zafirah Azman & Nurul Izzah Mohd Yani. (2019). Faktor penglibatan remaja dalam salah laku seksual: Kajian terhadap remaja hamil luar nikah di pusat pemulihan akhlak negeri Selangor. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 4(2), 94–109. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v4i2.59>
- Miller, B. C., McCoy, J. K., Olson, T. D., & Wallace, C. M. (1986). Parental discipline and control attempts in relation to adolescent sexual attitudes and behavior. *Journal of Marriage and the Family*, 48, 503–512.
- Muhammad Fathi Yusof. (2014). Kesesuaian perlaksanaan undang-undang jenayah Islam di Malaysia. Dlm. Azhar Yahya (Ed.), *Pelaksanaan kanun jenayah syariah: Teori dan realiti* (hlm. 108–132). Kolej Universiti Islam Zulkifli Muhammad (KUIZM) Publication.
- Noraini Mohamad, Safinah Ismail & Nazneen Ismail. (2019, 24–25 April). *Peranan komunikasi ibu bapa terhadap proses bimbingan dan penyampaian*

- maklumat kepada anak*. [E-Prosiding] Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2019, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. [http://conference.kuis.edu.my/pasak4/images/kk/090-KK\\_NORAINI\\_MOHAMAD\\_ETAL.pdf](http://conference.kuis.edu.my/pasak4/images/kk/090-KK_NORAINI_MOHAMAD_ETAL.pdf).
- Norhasmah Mohd Zain, Wah Yun Low & Sajaratulnisa Othman. (2015). Factors associated with pregnancy among unmarried women in Malaysia. *Southeast Asian J Trop Med Public Health*, 46(3), 526–538.
- Norul Sarnon, Mohd Suhaimi Mohamad, Fauziah Ibrahim, Khadijah Alavi, Salina Nen, Suzana Mohd Hoesni, Zaizul Ab Rahman & Wan Azreena Wan Jaafar. (2012). Hamil luar nikah: Memahami remaja sebagai asas intervensi keluarga. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(1), 121–130.
- Nur Aina Abdullah & Sayed Sikandar Shah Haneef. (2017). The statutory rape law in Malaysia: An analysis from shariah perspective. *International Journal of Business, Economics and Law*, 14(5), 9–14.
- Peltzer, K., & Pengpid, S. (2011). Prevalence and social correlates of sexual intercourse among school-going adolescents in Thailand. *Scientific World Journal*, 11, 1812–1820.
- Siong, R., & Tharshini, N.K. (2020). Isu kehamilan luar nikah dalam kalangan remaja di Malaysia: Satu tinjauan sorotan literatur. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 34(4), 91–96.
- Salasiah Hanin Hamjah, Mohd. Al-Adib Samuri, Rosmawati Mohamad Rasit, Fariza Md. Sham, Zuliza Mohd Kusrin, Zainab Ismail & Nazirah Kamal Basah. (2012). Factor related to premarital pregnancy among Muslim adolescents in Malaysia. *Research Journal of Medical Sciences*, 6(6), 266–271.
- Siti Hajar Abu Bakar Ah, Noralina Omar & Siti Balqis Mohd Azam. (2014). Family ecology and adolescents premature pregnancies: Multiple case studies of Malaysia. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 10, 87–114.
- United Nations–Youth. (2003). *World youth report 2003*. <https://www.un.org/development/desa/youth/world-youth-report/world-youth-report2003.html>
- Wallerstein, J. S., & Blakeslee, S. (2003). *What about the kids? Raising your children before, during and after divorced*. Hyperion.
- Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Lukman Abdul Mutalib, Nik Salida Suhaila Nik Saleh, Ahmad Syukran Baharuddin, Zulfaqar Mamat, Syh Noorul Madiah Syed Husin, Mohamad Aniq Aiman Alias & Nurul Syazwani Abdullah Kahar. (2022). Permasalahan keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja Muslim di Malaysia: Isu, cabaran dan cadangan penyelesaian. *Al-Qanadir: International Journal of Islamic Studies*, 26(2), 47–61.
- World Health Organization (WHO). (2022a). *Adolescent health*. [https://www.who.int/health-topics/adolescent-health#tab=tab\\_1](https://www.who.int/health-topics/adolescent-health#tab=tab_1)
- World Health Organization (WHO). (2022b). *Adolescent health in the South-East Asia region*. <https://www.who.int/southeastasia/health-topics/adolescent-health>
- Zulkiffly Ahmad. (2006). *Jenayah seksual*. Mostagaim Resources Publications.